



مجلس خبرين دارن سلايغ  
Majlis Perbandaran Selangor

**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG  
(MPS)**

---

**ARAHAN PENTADBIRAN BILANGAN 3 TAHUN 2018**

---

**PERATURAN PENGELUARAN KERJA-KERJA, PERKHIDMATAN & BEKALAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN 2018**

---

---

**TUJUAN**

1. Arahan Pentadbiran ini bertujuan untuk menerangkan dengan lebih jelas kepada semua Pengarah Jabatan dan Pegawai yang terlibat dengan proses kewangan mengenai peraturan pengeluaran kerja-kerja, perkhidmatan & bekalan bagi Tahun Kewangan 2018. Arahan-arahan berikut hendaklah dipatuhi bagi memastikan pengeluaran kerja, perkhidmatan dan bekalan tahun 2018 dibuat sebelum penutupan akaun tahun kewangan 2018.

**PERAKAUNAN TUNAI AKAUN KENA BAYAR**

2. Sistem Akaun Kena Bayar adalah berdasarkan kepada Arahan Perbendaharaan yang membenarkan bayaran dibuat dalam tahun berikutnya bagi bekalan dan perkhidmatan yang diterima sehingga 31 Disember 2018 untuk diakaunkan pada tahun itu.

**LATAR BELAKANG**

3. Setiap Jabatan dikehendaki mematuhi peraturan atau arahan dalam mengemukakan tuntutan kerja-kerja, perkhidmatan dan bekalan kepada Jabatan Perbendaharaan bagi tujuan pembayaran dalam tempoh seperti yang telah ditetapkan.

## TEMPOH PENYERAHAN PESANAN PEROLEHAN (L.O)

4. Jadual penyediaan dan penyerahan pesanan perolehan dan tuntutan tanpa pesanan perolehan bagi tahun 2018 adalah seperti berikut :-

Perkara	Tarikh Akhir Sedia / Serah / Tidak Lewat Dari	Tanggungjawab
1. Penyediaan permohonan pembelian (BPP) bagi kerja-kerja dan bekalan untuk bulan November 2018.	22 Oktober 2018 (Hari Isnin)	Semua Jabatan (Kelulusan YDP/ TYDP/ Jawatankuasa Sebutharga/ Jawatankuasa Tender)
2. Penyediaan permohonan pembelian (BPP) bagi kerja-kerja dan bekalan bulan Disember 2018.	16 November 2018 (Hari Jumaat)	Semua Jabatan (Kelulusan YD/ TYDP/ Jawatankuasa Sebutharga/ Jawatankuasa Tender )
3. Penyediaan dan pengeluaran Pesanan dan Perolehan (L.O) bagi kerja-kerja dan bekalan sehingga Disember 2018.	5 Disember 2018 (Hari Rabu)	Jabatan Perbendaharaan (Kelulusan Pengarah Kewangan)
4. Perbelanjaan yang dilakukan pada atau sebelum November 2018 bagi vot mengurus dan pembangunan. (termasuk kerja di bawah peruntukan Ahli Majlis)	17 Disember 2018 (Hari Isnin)	Jabatan Perbendaharaan (Kelulusan YDP ,TYDP & Pengarah Kewangan)
5. Perbelanjaan yang dilakukan sebelum atau pada 31 Disember 2018 bagi vot mengurus dan pembangunan. (Akaun Kena Bayar – AKB) (termasuk kerja di bawah peruntukan Ahli Majlis)	10 Januari 2019 (Hari Khamis)	Jabatan Perbendaharaan (Kelulusan YDP ,TYDP & Pengarah Kewangan)

## TATACARA PEMBAYARAN

5. Perbelanjaan hendaklah dikenakan kepada Vot Tahun 2018 dan pihak Jabatan perlu memastikan bahawa :-
- 5.1 Perkhidmatan atau bekalan telah disempurnakan sebelum atau pada 31 Disember 2018.
  - 5.2 Peruntukan bagi pecahan kepala perbelanjaan yang berkenaan mencukupi untuk membayar perbelanjaan tersebut. Jabatan boleh mencadangkan pindahan peruntukan (virement) kepada Jabatan Perbendaharaan pada atau sebelum 22 Oktober 2018. Sekiranya tiada, Jabatan Perbendaharaan akan membuat virement ke atas baki peruntukan kepada mana-mana vot perbelanjaan yang tidak mencukupi berdasarkan keperluan yang diluluskan.

6. Jabatan hendaklah memastikan permohonan pembelian (BPP) disedia dan dikeluarkan pada tarikh yang telah ditetapkan di para 4(2.) iaitu sebelum atau pada 16 November 2018. **Tiada pengeluaran BPP** dapat dibuat selepas tarikh tersebut oleh semua Jabatan dan tindakan sekatan ke Sistem Akaun Kena Bayar (menu permohonan pembelian) akan dilakukan oleh Jabatan Teknologi Maklumat pada 17 November 2018.
7. Jabatan Perbendaharaan hendaklah merancang dan memastikan penyediaan dan pengeluaran Pesanan Perolehan dibuat mengikut Jadual seperti di para 4(3). Tiada Pengeluaran Pesanan Perolehan (L.O.) dibuat selepas tarikh tersebut iaitu 5 Disember 2018.

#### PERANAN KETUA JABATAN

8. Semua Pengarah Jabatan adalah diminta mengambil perhatian dan menguatkuasakan arahan tersebut bagi memastikan kelancaran proses pengeluaran L.O.


#### PEMAKAIAN

9. Arahan Pentadbiran ini berkuatkuasa serta merta dan digunapakai juga bagi tuntutan dan kerja-kerja di bawah peruntukan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Selayang.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“MESRA CEPAT TEPAT BERKUALITI”**

**“SELAYANGKU SAYANG”**



**(SULIMAN BIN ABD RAHMAN A.M.S., P.P.T.)**

Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Selayang.